

## **HARAPAN IBU BAPA TERHADAP ANAK BERKEPERLUAN KHAS DI SARAWAK**

\*Dayang Dayana Abg Abd Nasir, & Ahmad Zamri Mansor

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

\* Correspondent author's e-mail: dayana\_0307@yahoo.com

*Received date: 12 September 2019; Accepted date: 25 October 2019*

**Abstrak:** Sejak daripada anak di diagnosis dengan keperluan khas sama ada fizikal, pendengaran, dan pembelajaran, pelbagai inisiatif telah diambil ibu bapa bagi membantu perkembangan anak mereka agar dapat membesar dengan baik bagi memenuhi harapan ibu bapa terhadap anak, terutamanya harapan agar anak boleh berdikari tanpa bantuan penuh daripada individu lain. Kajian ini bertujuan untuk (1) mengenalpasti harapan ibu bapa terhadap masa depan anak berkeperluan khas dan (2) mengenalpasti faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa. Kajian kualitatif ini mengumpul data melalui temu bual. Informan kajian merupakan 7 orang ibu dan seorang bapa kepada anak yang terlibat dalam Program Transisi ke Kerjaya Individu Berkeperluan Khas. Anak-anak mereka terdiri daripada keperluan khas fizikal, keperluan khas pendengaran, dan keperluan khas pembelajaran. Hasil temu bual mendapati harapan ibu bapa terdiri daripada 4 tema iaitu harapan terhadap diri anak, harapan terhadap pendidikan anak, harapan terhadap kerjaya anak, dan harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling. Faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa pula terdiri daripada 3 tema iaitu lokaliti, sosioekonomi ibu bapa, dan pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan yang ada untuk individu berkeperluan khas. Melalui dapatan kajian ini, adalah dicadangkan agar ibu bapa berkolaborasi dengan ahli profesional pelbagai disiplin dalam merancang masa hadapan anak yang realistik bersesuaian dengan keadaan anak dan keperluan pasaran kerja semasa.

**Kata Kunci:** Harapan, Ibu Bapa, Anak Berkeperluan Khas, Sarawak

### **Pengenalan**

---

Anak berkeperluan khas atau individu berkeperluan khas merupakan individu yang diperakukan oleh pengamal perubatan, atau ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta sebagai individu yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran, atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau ketidakupayaan dan masalah (Bahagian Pendidikan Khas 2014). Bagi individu berkeperluan khas, intervensi awal merupakan suatu perkara yang amat penting bagi membantu perkembangan mereka agar mencapai tahap optimum (Hasnah 2017). Seterusnya, individu ini boleh meneruskan pendidikan di sekolah, iaitu di kelas aliran perdana ataupun di kelas pendidikan khas, bergantung kepada keadaan murid tersebut. Isu bermula apabila individu berkeperluan khas ini menamatkan persekolahan, mula melangkah ke alam dewasa dan mencari hala tuju kehidupan, sama ada ingin melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya atau menceburi bidang pekerjaan.

Dalam setiap peringkat perkembangan anak, ibu bapa memainkan peranan yang paling penting. Hal ini kerana ibu bapa merupakan individu yang paling rapat dengan anak, yang terlibat dalam proses merancang dan membuat keputusan sepanjang anak membesar (Hasnah 2017; Nazmin 2017; Aizan, Jamiah, dan Noremy 2016). Setiap keputusan yang dibuat oleh ibu bapa mendatangkan impak kepada anak dalam pelbagai perkara seperti sosial, adaptif, komunikasi, dan tingkah laku. Walaupun anak berkeperluan khas ini sudah meningkat dewasa, masih ada ibu bapa yang terlibat dalam membuat keputusan bersama-sama dengan anak, disebabkan oleh kebimbangan ibu bapa tentang anak dan juga gaya pemikiran anak yang masih memerlukan bimbingan (Finke et al. 2019).

### **Pernyataan Masalah**

Chen, Cohn dan Orsmond (2018) mendapati individu berkeperluan khas dalam peringkat umur remaja-dewasa telah menunjukkan pencapaian kurang memberansangkan dalam pekerjaan, pendidikan lepasan menengah, penyertaan sosial, kehidupan berdikari, dan penyertaan dalam komuniti. Oleh itu, adalah satu keperluan untuk meneroka faktor yang menyumbang kepada keadaan tersebut agar rancangan yang strategik dan realistik dapat direncanakan bagi meningkatkan kemenjadian individu

berkeperluan khas, serta menyokong kejayaan transisi individu berkeperluan khas ke alam dewasa.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti harapan ibu bapa terhadap masa depan anak berkeperluan khas dan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa.

### **Objektif Kajian:**

- Mengetahui harapan ibu bapa terhadap masa depan anak.
- Mengetahui faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa.

### **Sorotan Literatur**

Setiap ketidakupayaan atau keperluan khas mempunyai kekurangan atau kelebihan tersendiri dalam domain-domain perkembangan. Walaupun anak-anak mereka sudah mencapai usia remaja, ada antara domain-domain ini masih belum mencapai perkembangan yang seiring dengan usia, seperti domain sosial, komunikasi, dan adaptif (Chen, Cohn dan Orsmond 2018). Ini seterusnya menjadi perkara yang terkandung dalam harapan ibu bapa.

Setiap ibu bapa berharap agar anak boleh berdikari apabila mereka sudah tiada kelak. Pelbagai usaha telah dilakukan sejak dari peringkat awal anak didiagnos dengan keperluan khas atau ketidakupayaan. Namun begitu, usaha yang dilakukan oleh ibu bapa tidak berhenti pada peringkat itu sahaja. Ibu bapa terus berusaha untuk memastikan bahawa anak mereka boleh menjalani kehidupan berdikari, menguruskan diri sendiri, dan juga mempunyai pekerjaan seperti individu normal yang lain. Adalah perlu bagi ibu bapa mengetahui perkhidmatan atau pendidikan yang disediakan oleh pelbagai pihak antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia, seperti Job Matching, Job Coaching, Transisi Kerjaya dan lain-lain lagi. Oleh itu, penting bagi semua ahli profesional mengetahui apakah yang diharapkan oleh ibu bapa terhadap anak berkeperluan khas mereka. Agar mereka tahu apa yang boleh dibantu dan apa yang perlu dibantu (Finke et al. 2019).

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan harapan ibu bapa terhadap masa depan anak. Kajian yang telah dijalankan oleh Finke et al. (2019) dan Chen, Cohn dan Orsmond (2018) mendapati bahawa ibu bapa

---

berharap agar anak berkeperluan khas apabila dewasa kelak, mereka boleh hidup dengan gembira, mampu berdikari, menjaga diri sendiri, kesihatan dan keselamatan diri, mempunyai kemahiran-kemahiran yang baik seperti kemahiran menguruskan emosi, boleh bersosial dengan baik, mempunyai rakan-rakan yang memahami mereka, boleh melibatkan diri dalam sesebuah komuniti dengan menyertai aktiviti kemasyarakatan, melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mempunyai pekerjaan.

Harapan-harapan yang telah dinyatakan ini menjelaskan bahawa ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas mempunyai pertimbangan dan keutamaan yang agak luas dalam menterjemahkan konsep kejayaan anak berkeperluan khas (Henninger & Taylor 2014). Ibu bapa beranggapan bahawa anak mereka mampu mencapai harapan-harapan ini berpandukan pencapaian anak mereka dalam kehidupan seharian seperti apa yang telah dilalui oleh anak mereka di rumah dan di sekolah, seperti kehadiran anak dalam program yang melibatkan pelbagai pihak bukan hanya pihak sekolah, menyertai program di luar sekolah, serta berada dalam persekitaran yang baru (Holmes et al 2018; Bury, Wenzel dan Woodyatt 2016).

Harapan ialah suatu perkara yang amat penting dalam membentuk daya tahan, kerana ia merupakan satu kepercayaan terhadap kemampuan untuk mencapai matlamat pada masa hadapan (Shenaar-Golan 2016; Muir & Strnadova 2014). Kajian-kajian lepas menjelaskan bahawa harapan dikaitkan dengan psikologi ibu bapa yang positif dan kesihatan ibu bapa yang baik, kerana harapan ini adalah sebagai pembakar semangat ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas yang mampu mengurangkan tekanan sehingga ibu bapa ini boleh mengharungi peristiwa negatif dalam kehidupan seharian (Shenaar-Golan 2016; Muir & Strnadova 2014). Oleh itu, adalah wajar untuk meneroka harapan ibu bapa terhadap anak berkeperluan khas dari pelbagai jenis kelainan upaya.

Harapan yang dinyatakan oleh ibu apa dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa ialah bimbingan yang diperolehi dalam membuat keputusan untuk masa hadapan anak, pengetahuan tentang transisi yang diperlukan oleh anak, serta pengetahuan tentang kemudahan-kemudahan yang ada untuk individu berkeperluan khas yang boleh dimanfaatkan oleh anak mereka (Finke et al. 2019; Chen, Cohn & Orsmond 2018; Hatfield et al. 2018; Nazmin 2017).

Hatfield et al. (2018) dalam kajiannya menjelaskan bahawa bimbingan yang diberikan secara jelas semasa proses transisi membantu ibu bapa membayangkan perjalanan masa hadapan anak mereka, sekaligus mempengaruhi tingkah laku dalam merangka perancangan masa hadapan untuk anak, terutamanya apabila anak di usia remaja menginjak ke usia dewasa. Perancangan yang jelas penting kerana ianya terdiri daripada langkah-langkah kecil atau objektif-objektif tertentu yang sekiranya berjaya dicapai, menjadi ukuran perkembangan ke arah matlamat yang lebih besar (Hatfield et al. 2018; Nazmin 2017).

Untuk ibu bapa mendapat bimbingan yang berkesan, serta memperoleh maklumat yang diperlukan dalam proses merancang dan melengkapkan anak dengan persediaan melangkah ke alam dewasa, kolaborasi antara keluarga dan ahli profesional yang terlibat dalam memberi perkhidmatan kepada individu berkeperluan khas ini amat digalakkan (Mandak et al. 2017). Ini merupakan saluran bagi ibu bapa bertanyakan soalan, serta menyampaikan hasrat mereka, dan dalam masa yang sama ahli profesional ini boleh mendengar dengan lebih jelas kehendak ibu bapa, menyatakan rasa hormat pada permintaan ibu bapa dan membantu mencadangkan program atau kemudahan yang bersesuaian untuk anak dan kemampuan ibu bapa.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes (Azizi et al. 2017) yang mengumpul data melalui temu bual yang telah dijalankan bersama ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas.

### **Informan Kajian**

Populasi bagi kajian ini adalah ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas di Sarawak. Seorang bapa dan 7 orang ibu kepada anak

berkeperluan khas telah dipilih sebagai informan kajian menggunakan persampelan bertujuan (Azizi et.al, 2007; Othman, 2018), bagi melihat harapan dan pengaruh harapan ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas yang terlibat dengan Program Transisi ke Kerjaya Individu Berkeperluan Khas di Sarawak.

## **Instrumen Kajian**

Temu bual semi berstruktur telah dijalankan selama 20 hingga 30 minit. Protokol temu bual yang telah digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi dari kajian Finke et al. (2019) dan Chen, Cohn dan Orsmond (2018). Data temu bual kemudiannya disusun atur bagi memastikan maklumat yang signifikan dapat dianalisis bagi membentuk tema yang sesuai (Othman 2018). Penyelidik adalah instrumen utama memungut data. Penyelidik perlu berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhatisendiri fenomena yang ingin dikaji.

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi informan yang menjelaskan tentang pekerjaan informan, umur anak informan, jenis keperluan khas anak informan, ringkasan program transisi kerjaya, dan lokasi.

**Jadual 1: Maklumat Demografi Informan**

Informan	Pekerjaan Informan	Umur Anak	Jenis Keperluan Khas	Anak mengikuti Program Transisi kerjaya di			Lokasi
				Sekolah	Inststitusi Luar	Tempat Kerja	
Anne	Surirumah	13	Masalah Pembelajaran ( <i>Slow Learner</i> )	Murid sekolah rendah I (PPKI)	Tiada	Kedai Cuci Kereta	Kapit
Noor (Ibu saudara/penjaga utama)	Surirumah	22	Masalah Pembelajaran (Kurang Upaya Intelektual)	Lepasan pelatih PDK J	Tiada	Kedai Pembuat Keropok	Mukah
Siti	Guru	28	Masalah Pembelajaran ( <i>ADHD</i> )	Murid lepasan Sekolah K (PPKI)	Tiada	Kedai Makan	Mukah

Bee	Bekerja sendiri	14	Masalah Pendengaran	Murid Sekolah Rendah L (SKPK)	Tiada	Kedai Roti	Sibu
Nurul	Surirumah	13	Masalah Pembelajaran ( <i>Slow Learner</i> )	Sekolah Menengah M (PPKI)	Tiada	Kedai Makan	Kabong
Ivy	Guru	19	Masalah Pembelajaran (Sindrom Turner)	Murid Lepas Sekolah O (Perdana)	Kolej Komuniti	Kedai Roti	Kuching
Ng	Bekerja sendiri	17	Masalah Fizikal *menggunakan kerusi roda	Murid Sekolah Menengah N (PPKI)	Kolej Komuniti	Kedai Roti	Kuching
Lee	Bekerja sendiri	18	Masalah Fizikal ( <i>Right Hemiplegia</i> )	Murid Sekolah Menengah P (PPKI)	Kolej Komuniti	Kedai Roti	Kuching

**DAPATAN KAJIAN**

Secara keseluruhannya, berikut merupakan tema-tema yang telah diperoleh berdasarkan dua objektif kajian iaitu (1) mengenalpasti harapan ibu bapa terhadap masa depan anak dan (2) mengenalpasti faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa.

Jadual 2: Tema-Tema Berkaitan Harapan Dan Pengaruh Harapan

Objektif kajian	Tema-tema
Harapan ibu bapa terhadap masa depan anak berkeperluan khas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harapan terhadap diri anak</li> <li>• Harapan terhadap pendidikan anak</li> <li>• Harapan terhadap kerjaya anak</li> <li>• Harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling</li> </ul>


---

<b>Faktor</b> yang mempengaruhi harapan ibu bapa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lokaliti</li><li>• Sosioekonomi ibu bapa</li><li>• Pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan yang ada untuk individu berkeperluan khas</li></ul>
--	---

---

### **Harapan ibu bapa terhadap masa depan anak berkeperluan khas**

Kajian ini mendapati harapan ibu bapa terhadap masa depan anak berkeperluan khas terdiri daripada 4 tema iaitu harapan terhadap diri anak, harapan terhadap pendidikan anak, harapan terhadap kerjaya anak, dan harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling.



Rajah 1: Tema Bagi Harapan Terhadap Masa Depan Anak Berkeperluan Khas

#### **Tema 1: Harapan terhadap diri anak**

Harapan ibu bapa terhadap diri anak merupakan harapan ibu bapa terhadap tingkah laku, kognitif, emosi dan fizikal anak. Ibu bapa menyatakan harapan mereka agar anak mereka sentiasa sihat dan gembira. Ibu bapa ini juga mengharapkan agar anak boleh menjalani kehidupan seharian secara berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Dari aspek pengurusan diri seperti kebersihan diri, pergi ke tandas, makan dan minum, anak-anak mereka sudah boleh melakukan semuanya sendiri. Dari aspek kemahiran hidup pula, anak-anak ini boleh membeli barang di kedai, boleh faham arahan mudah, dan boleh melakukan tugas dengan bimbingan. Cuma ada di antara ibu bapa ini masih belum dapat membayangkan bagaimana anak mereka meneruskan kehidupan tanpa mereka kelak.



*.. anak saya masih muda, jadi saya belum lagi fikir yang jauh-jauh, yang penting sekarang saya nak anak saya sihat dan gembira. (Anne, Bee, Nurul)*

*.. dengan keadaan dia macam ni, saya cuma harap dia sihat dan gembira. (Noor)*

*.. saya harap anak saya sentiasa sihat dan boleh jaga diri, berhati-hati walau di mana dia berada. Saya harap dia pun hati-hati bawa motosikal. Syukur dia ada moto sendiri, senang dia nak bergerak ke mana-mana. (Siti)*

*.. nanti dia pun nak hidup sendiri, ada rumah sendiri, ada kereta sendiri. I hope dia boleh jaga diri dia sendiri. (Ivy)*

*.. I always hope that makin banyak kemudahan untuk wheelchair user, so that he can do anything by himself. And of course I hope dia boleh berdikari. (Ng)*

*.. I hope one day dia boleh hidup sendiri, ada rumah sendiri, kereta sendiri, macam orang lain. (Lee)*

## **Tema 2: Harapan terhadap pendidikan anak**

Harapan terhadap pendidikan anak merupakan harapan terhadap persekolahan anak, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah, dan pendidikan selepas tamat persekolahan iaitu pendidikan di institusi pengajian tinggi atau institusi luar. Ibu bapa mengharapkan agar anak mereka menamatkan persekolahan seperti murid-murid yang lain. Ada juga ibu bapa yang sudah merancang tentang pendidikan selepas tamat persekolahan anak.

*.. buat masa ni, saya harap anak saya habis sekolah. (Anne, Bee, Nurul).*

*.. saya dan F sedang mencari tempat untuk F belajar selepas habis sekolah. Tapi ada beberapa kolej dan tempat belajar swasta yang kami pergi, mereka tidak dapat terima F sebab mereka cakap fasiliti tidak sesuai untuk orang yang pakai kerusi roda. Saya harap nanti, kalau dah jumpa tempat belajar, F akan*

*belajar betul-betul dan habiskan belajar sebab bukan senang nak cari tempat belajar. (Ivy)*

*.. saya dan G dah berbincang untuk hantar G sambung belajar di mana-mana tempat. Jadi saya harap G boleh habiskan belajar dia. (Ng)*

*.. kalau H setuju, saya nak hantar dia pergi kolej dan sambung belajar di sana sampai habis. Atleast dia ada sijil lain selain daripada sijil habis sekolah. (Lee)*

### **Tema 3: Harapan terhadap kerjaya anak**

Harapan terhadap kerjaya anak merupakan harapan terhadap pekerjaan anak. Ibu bapa mengharapkan agar anak mereka akan diambil untuk bekerja. Mereka berharap agar anak-anak mereka menjadi pekerja yang baik dan rajin, bagi menunjukkan bahawa individu berkeperluan khas juga boleh bekerja dan berdikari seperti individu normal. Ada juga ibu yang menyatakan tentang rancangannya untuk anaknya menjalankan perniagaan.

*.. saya harap bila anak saya kerja, dia akan kerja elok-elok. (Noor, Siti, Ivy, Ng)*

*.. saya ada fikir nak buka bisnes untuk anak saya, tapi itu masih dalam perancangan. (Ivy)*

*.. saya harap anak saya akan bekerja dengan bersungguh-sungguh, bagi membuktikan OKU pun boleh bekerja macam orang biasa. (Lee)*

### **Tema 4: Harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling**

Harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling ialah harapan terhadap sosial anak dalam kehidupan bermasyarakat, termasuklah di institusi pengajian, dan juga di tempat kerja. Ibu bapa mengharapkan agar anak boleh menyesuaikan diri dengan individu di sekitar mereka. Ibu juga berharap agar anak mereka boleh mempunyai kawan.


.. saya harap anak dapat menyesuaikan diri walau di mana sahaja dia berada. (Siti, Ivy, Ng, Lee)

.. Saya harap anak saya pandai bawa diri. (Siti)

.. i hope she can make friends. (Ivy)

### **Faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa terhadap masa hadapan anak berkeperluan khas**

Faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa pula terdiri daripada 3 tema iaitu lokaliti, sosioekonomi ibu bapa, dan pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan yang ada untuk individu berkeperluan khas.



Rajah 2: Tema Bagi Faktor Yang Mempengaruhi Harapan Ibu Bapa

#### **Tema 1: Lokaliti**

Faktor lokaliti merupakan faktor lokasi kediaman ibu bapa dan juga anak berkeperluan khas mereka. Ibu bapa menyatakan bahawa mereka tinggal di kawasan kampung, yang jauh dari pusat bandar menyebabkan mereka mempunyai harapan sedemikian. Bagi ibu bapa yang berada di sekitar Kuching, mereka berasa bersyukur kerana boleh membuat pilihan, namun begitu bukan semua institusi pengajian atau tempat kerja menerima

individu berkeperluan khas, dan mereka perlu berusaha untuk mencari tempat yang sudi menerima anak mereka.

*.. kami di sini jauh dari bandar besar. Jadi kalau dia dapat kerja di kawasan sini saja pun saya syukur. Rumah kami masih ada untuk dia tinggal, tidak perlu dia cari rumah sewa lain. (Anne)*

*.. kami di kawasan kampong, mun nak hantar dia pergi belajar tinggi-tinggi, perlu hantar jauh, paling dekat pun sejam lebih masa perjalanan. Itu pun belum tentu tempat belajar itu mahu terima dia. (Nurul)*

*.. Luckily we here in Kuching, we have choices where to go. Even not all place accept them, but its ok, we will try to find which place can accept them. (Ivy, Ng, Lee)*

## **Tema 2: Sosioekonomi ibu bapa**

Faktor sosioekonomi merupakan faktor kewangan ibu bapa. Kebanyakan ibu bapa yang mempunyai sosioekonomi rendah menyatakan bahawa mereka tidak menghantar anak mendapatkan pendidikan lanjutan kerana tidak mampu membayar yuran yang mahal, dan juga tidak mampu dari segi kos pengangkutan untuk bergerak dari kawasan kampong ke kawasan bandar. Bagi ibu bapa yang mempunyai kewangan yang baik, mereka menyatakan bahawa mereka boleh menghantar anak melanjutkan pelajaran.

*.. nak hantar dia pergi mana, kami di kapit ini jauh. Kalau nak keluar pergi Sibul Bintulu Miri Kuching, banyak duit mau pakai, saya tidak ada banyak duit. Saya syukur sangat cikgu dia bawa dia untuk program ini. (Anne)*

*.. kalau itu bengkel kursus harga yuran 30 ringgit, boleh saya hantar anak saya. Kalau nak belajar tinggi-tinggi, jauh-jauh, tidak mampu saya. (Noor, Bee, Nurul)*

*.. if dia want to go to college, we can hantar. We can pay the fees. (Ivy, Ng, Lee)*

---

### **Tema 3: Pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan untuk individu berkeperluan khas**

Faktor pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan untuk individu berkeperluan khas boleh dilihat sama ada ibu bapa membaca atau tidak membaca senarai lengkap kemudahan dan keistimewaan OKU berdaftar di Malaysia. Ramai ibu bapa tidak pernah membaca senarai lengkap kemudahan dan keistimewaan OKU berdaftar di Malaysia. Oleh itu, mereka tidak mengetahui tentang kemudahan yang disediakan untuk anak mereka mendapatkan peluang latihan dan juga pekerjaan serta bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh kerajaan. Kebanyakan mereka hanya mengetahui tentang elaan murid khas. Ada ibu bapa juga menyatakan bahawa mereka baru tahu tentang kewujudan senarai kemudahan dan keistimewaan OKU berdaftar di Malaysia apabila ditemubual. Malah, ada ibu bapa yang menyatakan bahawa mereka tidak tahu wujudnya program transisi ke kerjaya untuk murid berkeperluan khas di sekolah sehingga anak mereka terlibat dengan program Transisi ke Kerjaya.

*.. saya tak pernah baca senarai kemudahan dan keistimewaan OKU berdaftar di Malaysia. (Anne, Noor, Siti, Bee, Nurul, Ng, Lee)*

*.. saya tahu tentang elaan pekerja cacat daripada pekerja JKM dan jugak daripada senarai kemudahan dan keistimewaan OKU berdaftar. (Siti)*

*.. kalau cikgu dia tidak bawa dia untuk program ini saya tidak tahu ada program transisi ini. Program ini sangat bagus, ini boleh tunjuk dengan orang luar yang OKU pun boleh buat apa yang orang biasa boleh buat. (Ivy, Ng, Lee)*

### **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian, harapan ibu bapa terdiri daripada 4 tema iaitu harapan terhadap diri anak, harapan terhadap pendidikan anak, harapan terhadap kerjaya anak, dan harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling. Faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa pula terdiri daripada 3 tema iaitu lokaliti, sosioekonomi ibu bapa, dan pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan yang ada untuk individu berkeperluan khas.

---

Objektif pertama kajian ini iaitu mengenalpasti harapan ibu bapa terhadap masa depan anak, dapat dikenalpasti melalui dapatan 4 tema iaitu harapan terhadap diri anak, harapan terhadap pendidikan anak, harapan terhadap kerjaya anak, dan harapan terhadap hubungan anak dengan individu sekeliling. Harapan yang dinyatakan oleh ibu bapa terhadap masa depan anak berkeperluan khas ini merupakan harapan yang realistik. Harapan ini sebenarnya boleh diukur sekiranya ibu bapa menyediakan satu dokumen seperti Rancangan Pendidikan Individu atau RPI untuk menetapkan objektif, merancang perjalanan, serta mengukur perkembangan anak-anak (Chen, Cohn & Orsmond 2018). Seperti yang dijelaskan oleh Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas, Rancangan Pendidikan Individu merupakan merupakan satu rekod bertulis yang melaporkan perancangan pendidikan secara individu berdasarkan keupayaan atau kekuatan dan kelemahan murid yang mengandungi tahap prestasi individu, matlamat jangka pendek dan matlamat jangka panjang, perkhidmatan sokongan yang diperlukan, serta pencapaian setiap aktiviti yang dirancang bagi mencapai matlamat (Hasnah 2017; Nazmin 2017).

Objektif kedua kajian ini iaitu mengenalpasti faktor yang mempengaruhi harapan ibu bapa, dapat dikenalpasti melalui dapatan 3 tema iaitu lokaliti, sosioekonomi ibu bapa, dan pengetahuan ibu bapa tentang kemudahan yang ada untuk individu berkeperluan khas. Pengaruh harapan ibu bapa yang terdiri daripada lokaliti, sosioekonomi, dan pengetahuan boleh diubah sekiranya ibu bapa mengetahui situasi sebenar, atau kemudahan yang ada disediakan untuk individu berkeperluan khas (Hatfield et al., 2018). Banyak kemudahan dan keistimewaan bagi individu berkeperluan khas yang telah didaftarkan sebagai OKU berdaftar di Malaysia. Selain itu, kemudahan lain turut dijelaskan dalam Kod Amalan Murid Berkeperluan Khas iaitu Program Transisi Kerjaya, Dasar Inklusif IPT, Dasar 1% pekerja OKU di Sektor Awam dan lain-lain lagi. Malah, sekiranya ibu bapa mengetahui Akta OKU tentang pendidikan kerja, dan lain-lain lagi, ibu bapa boleh perjuangkan hak anak mereka untuk mendapatkan semua kemudahan yang mereka layak kecapi (Finke et al., 2019).

Oleh itu, adalah dicadangkan agar maklumat-maklumat berkaitan dengan kemudahan dan keistimewaan, polisi, dan sebagainya ini disebarluaskan agar lebih ramai ibu bapa yang mengetahui tentang kewujudannya. Ini seterusnya membantu ibu bapa untuk merancang masa hadapan yang lebih baik untuk anak mereka, bermula dengan langkah-langkah yang kecil dan

objektif yang kecil supaya lebih jelas kemajuan yang telah dicapai, dalam bergerak ke arah objektif dan tujuan yang lebih besar (Hatfield et al., 2018).

Ibu bapa juga disarankan untuk berkolaborasi dengan ahli profesional pelbagai disiplin dalam merancang masa hadapan anak yang realistik bersesuaian dengan keadaan anak dan keperluan pasaran kerja semasa (Finke et al. 2019; Nazmin 2017).

Implikasi daripada kajian ini terhadap amalan sedia ada ialah, program kerjaya yang sering dianjurkan perlulah ditambahbaik dengan mengadakan sesi *follow-up* untuk mengetahui status semasa individu berkeperluan khas (Finke et al., 2019; Chen, Cohn & Orsmond, 2018; Hatfield et al., 2018; Nazmin 2017; Hasnah, 2017). Maklumat hasil daripada *follow-up* ini, boleh membantu agensi berkaitan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka, agar lebih ramai individu berkeperluan khas boleh menikmati kemudahan dan keistimewaan yang sama.

## **KESIMPULAN**

Ibu bapa mengharapkan yang terbaik dari anak mereka, termasuklah anak berkeperluan khas. Anak-anak berkeperluan khas ini boleh berkembang dengan baik secara optimum seperti yang diharapkan, sekiranya diberikan bimbingan dan persekitaran yang bersesuaian. Untuk itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam menyediakan program dan prasarana untuk individu berkeperluan khas ini agar kelak mereka juga mampu berdikari dalam dunia pekerjaan dan juga alam dewasa.

## **RUJUKAN**

- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap, dan Noremy Md Akhir (2016). Peranan Keluarga dalam Kehidupan Kanak-kanak Kurang Upaya di Malaysia. *Akademika*, 86 (1):21-30.
- Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip dan Mohd Dahlan A. Malek. (2017). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*, Penerbit UPSI

- 
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yussof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributions Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Khas (2014). *Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas*.
- Bury, S.M., Wenzel, M., dan Woodyatt, L. (2016). Giving hope a sporting chance: hope as distinct from optimism when events are possible but not probable. *Motivation and Emotion*, 40(4), 588–601.
- Chen, J., Cohn, E.S. dan Orsmond, G.I. (2018). Parents' future visions for their autistic transition-age youth: Hopes and expectations. *Autism*, 1-10.
- Finke, E.H., Kremkow, M.D., Drager, D.R., Murillo, A., Richardson, L., Serpentine, E.C. (2019). "I Would Like for My Child to be Happy with His Life": Parental Hopes for Their Children with ASD Across the Lifespan. *Journal of Autism and Developmental Disorders*.
- Hasnah Toran (2017). *Autisme: Panduan Ibu Bapa*. Kedah: Penerbitan Ryadh.
- Hatfield, M. Ciccarelli, M., Falkmer, T., & Falkmer, M. (2018). Factors Related to Successful Transition Planning for Adolescents on the Autism Spectrum. *Journal of Research in Special Education Needs*, 18(1), 3-14.
- Henninger, N.A., dan Taylor, J.L. (2014). Family perspectives on a successful transition to adulthood for individuals with disabilities. *Intellectual and Developmental Disabilities*, 52(2), 98–111.
- Holmes, L.G., Kirby, A.V., Strassberg, D.S., et al. (2018) Parent expectations and preparatory activities as adolescents with ASD transition to adulthood. *Journal of Autism and Developmental Disorders* 48(9): 2925–2937.
- Mandak, K., O'Neill, T., Light, J., & Fosco, G. M. (2017). Bridging the gap from values to actions: A family systems framework for family-centered AAC services. *Augmentative and Alternative Communication*, 33, 32–41.
- Mohammad Hisyam Mohd. Hashim & Siti Nor Idayu Mohd Nasir (2018). *Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Vokasional: Teori dan Amalan*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Muir, K., & Strnadová, I. (2014). Whose responsibility? Resilience in families of children with developmental disabilities. *Disability and Society*, 29, 922–937.



- Nazmin Abdullah (2017). Career Transition Program: Challenges Faced by Parents with Autistic Child. *Proceeding of the 2nd International Conference on Special Education*.
- Othman Lebar (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Undang-undang Malaysia. *Akta OKU 2008*.
- Shenaar-Golan, V. (2016). The subjective well-being of parents of children with developmental disabilities: The role of hope as a predictor and fosterer of well-being. *Journal of Social Work in Disability and Rehabilitation*, 15, 77–95.